

# Kebolehpasaran graduan UMS capai 96.2 peratus

BH 25.06.2022 P.07

## Pencapaian pada tiga tahun berturut-turut menunjukkan lonjakan signifikan

Oleh Izwan Abdullah  
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) merekodkan peningkatan yang tinggi kadar kebolehpasaran graduan (GE) sepanjang tiga tahun lalu dengan jumlah tertinggi 96.2 peratus bagi graduan yang menamatkan pengajian pada 2021.

Kadar berkenaan menunjukkan perubahan yang amat ketara dalam penerimaan majikan pelbagai sektor pekerjaan terhadap graduan UMS berikutan GE yang direkodkan sebelum ini tidak pernah melepasi 60 peratus sejak 2014.

Berkongsi pencapaian yang membanggakan itu, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin, mendedahkan kadar GE lepasan UMS mula menunjukkan peningkatan yang baik dalam kalangan graduan yang menamatkan pengajian pada 2019.

Katanya, lonjakan ketara kadar GE ke 90.44 peratus pada 2019, diikuti 92.02 peratus pada 2020 dan 96.2 peratus pada tahun lalu berbanding 59.97 peratus pada 2018 jelas menunjukkan pencapaian yang baik dalam



Taufiq (kanan) menyampaikan sijil kepada graduan pada Majlis Konvokesyen UMS Ke-22 pada Mac lalu.

usaha UMS memastikan graduannya mendapat pekerjaan selepas berijazah.

"Pencapaian pada tiga tahun berturut-turut ini menunjukkan lonjakan yang signifikan berbanding kadar GE yang tidak pernah melepasi 60 peratus sejak 2014.

"Pelbagai usaha dilaksanakan UMS bagi merealisasikan peningkatan kadar GE ini, antaranya melalui Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar (PKPKP) bagi melatih graduan menguasai pengetahuan dan kemahiran bidang tertentu sebagai nilai tambah.

"Antaranya kursus keusahawanan dan kursus *Train and Place* yang dijayakan di bawah Penjana Kementerian Pengajian

Tinggi (KPT) yang mana antaranya UMS bekerjasama dengan agensi seperti Lembaga Pelancongan Sabah (STB), Yayasan Usaha Maju (YUM) dan Tekun Nasional Sabah bagi penempatan pekerjaan selepas tamat latihan," katanya.

Tambah beliau lagi, Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar (PKPKP) mendapat Dana Khazanah Nasional MySTEP Negeri Sabah 2022 daripada Britay Asia (M) Sdn Bhd berjumlah RM1,428,000 selain dana PENJANA KPT sebanyak RM750,340 untuk melatih dan membimbing pelajar dan graduan bagi meningkatkan GE.

Beliau berkata demikian ketika temu bual khas bersama BH

sempena Majlis Konvokesyen UMS Ke-23 yang berlangsung tiga hari bermula hari ini bagi meraikan graduan yang berjaya menamatkan pengajian pada 2021.

Seramai 4,319 graduan akan menerima skrol ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen Ke-23 yang berlangsung hingga Isnin ini, menerusi enam sidang.

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin selaku Canselor UMS akan menyempurnakan penyampaian skrol ijazah pada sidang pertama manakala sidang kedua, ketiga dan keempat pula akan disempurnakan Penasihat Kehormat Ambank Group, Tan Sri Azman Hashim yang juga Pro-Canselor UMS.



## MAJLIS KONVOKESYEN KE-23 UMS

- 4,319 jumlah graduan
- 99 graduan antarabangsa
- 204 graduan kelas pertama
- 164 graduan B40
- 9 graduan OKU
- 2 graduan meninggal dunia sebelum graduali

## Jumlah graduan mengikut jenis pengajian

- 77 Doktor Falsafah (PhD)
- 357 Sarjana
- 87 Diploma Pasca
- 3,664 Sarjana Muda
- 134 Diploma

Taufiq berkata, perjalanan Majlis Konvokesyen Ke-23 diadakan seperti majlis yang biasa dilakukan sebelum pandemik COVID-19 sejajar kelonggaran SOP fasa peralihan ke endemik yang bermula sejak 1 Mei lalu.

"Begitupun, kita masih menatapkan semua graduan, ibu bapa dan petugas mesti memakai pelitup separuh muka ketika di dalam dewan dan sepanjang majlis berlangsung.

"Sempena majlis ini juga, terdapat beberapa aktiviti sampingan yang dianjurkan seperti Tamu Gadang, pameran STE-M4U@UMS: The Next Step, pameran lukisan *The Saltiness of the Ocean* dan kejohanan golf amal," katanya.